

30 SEP 2002

Najib-Tokyo/I

KEGANASAN BUKAN ANCAMAN BESAR ASIA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Keganasan bukanlah bahaya besar yang terdapat di Asia Timur sebaliknya cabaran sebenar masih terbentang dalam bidang bukan tradisional termasuk cetak rompak, penurunan kualiti alam sekitar dan pertumbuhan tidak seimbang.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata keganasan masih ada di beberapa tempat di Asia Tenggara tetapi nampaknya ada cubaan oleh kumpulan-kumpulan berkenaan untuk mewujudkan kerajaan-kerajaan Islam.

"Tidak ada sebab untuk berasa panik dan berlebihan-lebih kerana ancaman ini masih dalam kawalan. Kumpulan ini adalah kecil dan terasing," katanya semasa berucap di Kelab Wartawan Asing, di Tokyo, Jepun.

Najib kini berada dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Jepun atas jemputan Yayasan Nippon dan Yayasan Keamanan Sasakawa.

Beliau berkata di Malaysia, sebagai contoh, kerajaan mengambil pendirian tegas terhadap mana-mana kumpulan dan individu yang cuba menggugat masyarakat majmuknya.

Najib berkata terdapat keadaan politik yang genting di rantau ini seperti isu Taiwan dan semenanjung Korea yang masih merupakan satu daripada zon paling ramai tentera di dunia.

"Kami memuji inisiatif Perdana Menteri Junichiro Koizumi terhadap Korea Utara. Walaupun negara itu dikenal pasti oleh Amerika sebagai sebahagian daripada apa yang dipanggil "paksi kejahatan", Jepun memutuskan untuk menggunakan diplomasi dan perjanjian sebagai alat yang penting dan bukannya paksaan dan peminggiran yang menjadi pilihan (negara) lain," katanya.

Dengan menjalinkan hubungan dengan Korea Utara, beliau berkata Jepun telah merapatkan jurang yang pernah wujud dan sudah sekian lama menjadi sumber ketidaktentuan dan ancaman, .

"Ini adalah inisiatif yang negara-negara Asia harus laksanakan kerana ia akan menjadi iktibar untuk yang lain. Asia perlu menunjukkan arah kepada keamanan, jika pihak lain di Barat lebih memilih hala menuju peperangan," katanya.

"Pembinaan adalah jauh lebih baik daripada kemusnahan dan Asia harus menunjukkan cara untuk bergerak maju ke hadapan. Dalam hubungan ini, Jepun sudahpun mengambil langkah yang penting," katanya.

Najib berkata Malaysia sudah pasti menyokong dan akan melaksanakan matlamat serupa dengan mengutamakan perjanjian dalam dasar luar negerinya.

Menurutnya dasar luar negeri itu berjaya dilaksanakan Malaysia dan sebagai contoh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya melaksanakannya di Myanmar dengan memilih untuk menjalinkan perhubungan dan bukannya peminggiran.

-- BERNAMA

SLR AHH NAK